



**JABATAN BENDAHARI  
BURSAR'S OFFICE**  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN  
MALAYSIA



Tel: 604-928 3200/3260/3256  
Faks (Fax): 604-928 3299  
Laman Web (Web): [www.bendahari.uum.edu.my](http://www.bendahari.uum.edu.my)

## **“MUAFAKAT KEDAH”**

Ruj. Kami : BEND20180530-KB1142  
Tarikh : 30 Mei 2018

### **PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 /2018**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Utara Malaysia

Tuan / Puan

### **PENGENAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) PADA KADAR SIFAR (0%) BERMULA 1 JUN 2018**

Dengan hormatnya merjuk kepada perkara tersebut di atas.

Adalah dimaklumkan, merujuk kepada Siaran Media Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertarikh 16 Mei 2018 dan warta Kerajaan Persekutuan berkaitan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan)(Pembatalan) 2018 oleh Jabatan Peguam Negara menyatakan penetapan bekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta barang dan perkhidmatan yang diimport yang dikenakan Cukai barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax – GST) pada kadar 6% akan dikenakan GST pada kadar sifar (0%) yang akan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018 dan terpakai di seluruh negara sehingga dimaklumkan kelak.

Justeru itu, berikut adalah senarai pelaksanaan berkaitan perkara di atas yang perlu ambil maklum oleh semua Pusat Tanggungjawab di UUM ini adalah seperti berikut;

#### **1- CUKAI OUTPUT (OUTPUT TAX)**

- 1.1. Invois Cukai perlu dikeluarkan dengan kadar standard (SR) 0% bermula 1 Jun 2018. Kadar ini adalah perubahan dari kadar standard (SR) asal CBP 6% yang dilaksanakan sebelum ini.
- 1.2. Segala pembekalan barang dan perkhidmatan dan bayaran penuh yang dibuat pada dan selepas 01 Jun 2018 akan menggunakan CBP yang berkadar standard (SR) 0%.

Universiti Pengurusan Terkemuka  
*The Eminent Management University*



- 1.3. Pembekalan barang dan perkhidmatan yang telah dibuat sebelum 01 Jun 2018 tetapi Invois Cukai (Tax Invoice) disediakan pada atau selepas tarikh tersebut, ianya adalah perlu berkadar standard 6%
- 1.4. Pembekalan barang / perkhidmatan yang dibuat pada dan selepas 01 Jun 2018, tetapi invois telah dikeluarkan sebelum tarikh tersebut, ianya perlu berkadar standard (SR) 0%. Maka, pelarasan ke atas invois perlu dilaksanakan.
- 1.5. Pembekalan barang / perkhidmatan yang dibuat dan invois dikeluarkan pada dan selepas 01 Jun 2018 dengan kadar standard (SR) 6% dan sepatutnya perlu berkadar standard (SR) 0%. Maka, pelarasan ke atas invois perlu dilaksanakan.
- 1.6. Kadar Cukai Barang Perkhidmatan (CBP) ke atas bil invois kendiri adalah 0%
- 1.7. Perjanjian / Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani sebelum 1 Jun 2018 yang menyatakan amaun CBP, tuntutan yang perlu dibuat selepas tarikh tersebut adalah berkadar standard (SR) 0%
- 1.8. Semua kadar Cukai Output CBP yang berkadar standard (SR), (DS) dan (AJS) 6% akan ditukar kadarnya kepada kadar standard 0% mulai 1 Jun 2018. Segala invois cukai yang dikeluarkan berkaitan kod tersebut adalah berkadar standard 0%.

## **2- CUKAI INPUT (INPUT TAX)**

- 2.1 Segala pembekalan barang dan perkhidmatan dan bayaran penuh yang dibuat sebelum 01 Jun 2018, bayaran masih menggunakan CBP yang berkadar standard (TX) 6%.
- 2.2 Pembekalan barang dan perkhidmatan yang telah dibuat sebelum 01 Jun 2018 tetapi Invois Cukai (Tax Invoice) disediakan oleh pembekal pada atau selepas tarikh tersebut, ianya adalah perlu dibayar berkadar standard (TX) 6%
- 2.3 Pembekalan barang / perkhidmatan yang dibuat pada dan selepas 01 Jun 2018, tetapi invois telah dikeluarkan oleh pembekal sebelum tarikh tersebut dengan kadar standard 6%. Mohon pihak pembekal mengemukakan invois baru berkadar standard 0% bagi tujuan pembayaran.
- 2.4 Pembekalan barang / perkhidmatan yang dibuat dan invois tax dikeluarkan pada dan selepas 01 Jun 2018, hendaklah pada kadar standard 0% bagi tujuan pembayaran.

- 2.5 Perjanjian / Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani sebelum 1 Jun 2018 yang menyatakan amaun CBP (GST), pembayaran yang perlu dibuat pada dan selepas tarikh tersebut adalah berkadar standard (TX) 0%.
- 2.6 Semua kadar Cukai Input CBP yang berkadar standard (TX), (TX-E43), (TX-N43), (TXRE) dan (IM) 6% akan ditukar kadarnya kepada kadar standard 0% mulai 1 Jun 2018. Segala pembayaran berkaitan kod tersebut adalah berkadar standard 0%.

Pelaksanaan perkara di atas berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018. Semua kadar CBP yang berkaitan akan bertukar kepada kadar standard 0% pada semua pusat terimaan di PTJ yang terlibat. Semua pihak di Pusat Tanggungjawab dan di Jabatan Bendahari perlu menggunakan kod CBP (GST) yang sediaada seperti biasa dan juga memastikan kadar tersebut adalah kadar standard 0%.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung kepada pada Unit GST di talian 04-928 3220.

Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"ILMU BUDI BAKTI"**

Saya yang menurut perintah

  
—(HAJI AMRON BIN MAN)  
Bendahari

s.k. : Naib Canselor  
: Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
: Edaran